

**EPP: PM bakal umum 12 projek lagi
Utusan Online
November 10, 2011**

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Sebanyak 12 projek inisiatif projek permulaan (EPP) berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum akhir tahun ini.

Projek EPP tersebut dijangka menjana pendapatan negara kasar (PNK) sebanyak RM60 bilion menjelang 2020.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, kesemua 12 EPP ICT tersebut merupakan sub sektor yang diberi penekanan kerajaan pada waktu ini bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, separuh daripada 12 EPP ICT yang diumumkan nanti mempunyai saling kaitan dengan projek di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) sedia ada.

"Pendedahan penuh termasuk nama-nama projek di bawah 12 EPP ICT akan diumumkan kemudian," katanya selepas menghadiri majlis perasmian Persidangan dan Pameran DocuWorld Fuji Xerox anjuran Fuji Xerox Asia Pacific Pte. Ltd., di sini hari ini.

Persidangan dan pameran selama dua hari bermula hari ini dijangka dihadiri lebih 1,000 pengunjung dari seluruh negara.

EPP merupakan sektor pembangunan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

ETP telah dipacu oleh 12 NKEA yang menumpukan kepada pelbagai industri dengan 131 EPP digariskan oleh kerajaan dalam usaha mengubah ekonomi negara.

Sebanyak 70 daripada keseluruhan 131 projek EPP atau 53 peratus daripadanya telah dilaksanakan setakat ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1110&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm